

Persisi pilih semula Hosni

Berita Harian, 18 September 1992, Page 15

Article also available on Microfilm Reel NL18935

Printer-Friendly Page

Persisi pilih semula Hosni

Pertama kali dua jurulatih nasional dilantik **SILAT**

Oleh **ZAINAL JAMARI**

SATU lagi perkembangan mengejut melanda arena seni silat tempatan tidak sampai sebulan selepas berlaku perubahan mendadak juga dalam pucuk pimpinan Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Bekas jurulatih nasional, Mohamed Hosni Ahmad, telah dilantik semula selaku salah seorang daripada dua jurulatih nasional Persisi bagi persiapan menjelang Sukan SEA di sini tahun depan.

Seorang lagi jurulatih nasional yang dilantik ialah Haji Hussin Kaslan dari Perguruan Silat Seni Gayung Pasak. Bagi Haji Hussin, 71 tahun, inilah kali pertama beliau dilantik menjadi jurulatih nasional.

Hosni, dari Perguruan Al-Haq telah digantung oleh Persisi pada lewat tahun lalu kerana didapati melakukan dua kesalahan.

Beliau didapati telah meminta pesilat nasional, Sheik Alauddin Yacoob agar 'tewas' dalam Kejohanan Pencak Silat Asia Tenggara yang diadakan di Manila pada November tahun lalu sempena Sukan SEA.

Hosni, 68 tahun, juga didapati melanggar peraturan Persisi dengan menginap di bilik hotel salah seorang peserta Singapura, yang kebetulan adalah anak perempuan beliau, tanpa izin Persisi.

Antara hukuman gantung yang dikenakan ke atas beliau termasuklah larangan daripada mengikuti segala kegiatan Persisi mulai 13 Disember 1991.

Bagaimanapun, hukuman itu telah dimansuhkan ekoran berlaku perubahan dalam pucuk pimpinan Persisi selepas mesyuarat agung mereka baru-baru ini apabila dua pegawai kanannya gagal mengekalkan kedudukan mereka dalam apa yang disifatkan sebagai 'mengejut'.

Setiausaha, Mohamed Kaspari dan penolongnya, Mohd Khamis Said, tewas kepada Haji Sarkawi Haji Masom, dan Rashid Lassim.

Tugas Hosni yang pertama ialah mempersiapkan para pesilat yang akan menyertai Kejohanan Silat Undangan Brunei dari 1 hingga 12 Oktober ini.

Mengulas mengenai perantikannya semula selaku jurulatih nasional, Hosni, berkata: "Saya bersyukur dan berterima kasih kepada Persisi kerana masih menaruh kepercayaan kepada saya.

"Saya mahu melupakan perkara yang lalu dan tidak mahu ia mengganggu tugas saya untuk mempersiapkan anak buah bagi menghadapi Sukan SEA yang akan datang."

Setiausaha Persisi yang baru, Haji Sarkawi, berkata: "Selepas mesyuarat agung itu, jawatankuasa baru telah menyemak dan

nimbangkan semula penggantungan Hosni.

"Kami mencapai keputusan untuk memansuhkannya dan melantik beliau semula sebagai salah seorang daripada dua jurulatih nasional untuk Sukan SEA akan datang."

Menurut Haji Sarkawi, pemilihan kedua-dua jurulatih itu berdasarkan rekod kecemerlangan mereka dan berkuatkua serta merta untuk jangka masa dua tahun.

Haji Sarkawi berkata, Hosni akan ditugaskan khusus untuk meningkatkan teknik silat para pesilat nasional sementara Haji Hussin pula akan memberi tumpuan kepada latihan jasmani. Haji Sarkawi menambah bahawa inilah kali pertama Persisi mempunyai dua jurulatih nasional.

Hosni telah menjadi jurulatih nasional sejak Sukan SEA 1987 di Kuala Lumpur dan di bawah bimbingannya, Republik ini boleh berbangga dengan beberapa pencapaian emas dalam kejohanan antarabangsa, termasuk Sukan SEA dan Kejohanan Dunia.

Sementara itu, difahamkan bahawa Persisi juga telah memansuhkan penggantungan Jasni Salam. Beliau telah disertakan dalam delegasi Singapura ke kejohanan di Brunei itu selaku wasit.



BERSYUKUR: Hosni bersyukur dan berterima kasih kepada Persisi kerana masih menaruh kepercayaan kepada beliau.



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Persisi tengah pesilat merokok

Berita Harian, 21 September 1992, Page 11

Article also available on Microfilm Reel NL18835

Printer-Friendly Page

Persisi tengah pesilat merokok

SILAT Oleh: ZAINAL JAMARI

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) mengangap serius jadual latihan para pesilatnya dalam persiapan menghadapi Sukan SEA di sini tahun depan.

Begitu serius sekali sehingga mereka telah mengharamkan para pesilat daripada merokok — walaupun di luar latihan — dan kali pertama mengadakan kontrak dengan jurulatih nasionalnya dalam soal latihan jasmani.

Persisi juga buat kali pertama menubuhkan jemaah penasihat latihan untuk memastikan tiada pilih kasih dalam pemilihan pesilat untuk mewakili negara.

Dalam satu taklimat kepada 42 pesilat yang diundang menyertai latihannya minggu lalu, presiden Persisi, Haji Abdul Rahman Ismail, berkata para pesilat mesti bersikap mahu menang dan mahukan emas, bukan perak atau gangsa.

"Saya tekankan kepada para pesilat bahawa mereka harus berjuang untuk memenangi emas bagi negara, persilatan Melayu, Persisi dan akhir sekali barulah untuk perguruan masing-masing," kata Haji Abdul Rahman.

Mengenai taraf keceergasan jasmani, beliau menekankan kepada semua pelatih supaya berhenti menghisap rokok.

"Mesej saya ialah hentikan merokok walau di mana

saja sehingga selesai Sukan SEA. Ini termasuk di luar latihan atau di luar pekerjaan Persisi.

"Jika saya atau sesiapa saja anggota jawatankuasa yang diberi mandat ternampak pelatih menghisap rokok di mana saja, kami akan memanggilnya untuk mendengar penjelasannya dan mungkin mengenakan tindakan disiplin," katanya.

Latihan diadakan empat kali seminggu sehingga Disember ini dan digiatkan kepada enam kali seminggu mulai Januari tahun depan hingga Sukan SEA.

Semua latihan diadakan di Rumah Persisi di Kampong Eunos dari 7.30 hingga 10.30 malam.

Mengenai kontrak dengan kedua-dua jurulatih nasional, Mohamed Hosni Ahmad dan Haji Hussin Kaslan, presiden Persisi itu berkata ia melibatkan latihan jasmani.

"Kontrak itu menjelaskan bahawa dalam soal latihan jasmani, para pesilat perlu mengikuti program yang telah kami sediakan, termasuk mengambil ujian latihan yang dikelolakan oleh Majlis Sukan Singapura (SSC).

"Sebelum ini, terdapat kes di mana jurulatih berdegitil mahu pesilat mengikuti latihan jasmani mereka saja, yang kami anggap tidak cukup dalam keadaan yang amat kompetitif hari ini," kata Haji Abdul Rahman.